

D.R. 28/2004

RANG UNDANG-UNDANG
KONVENSYEN SENJATA KIMIA 2004

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian Konvensyen tentang Larangan Penghasilan, Pengeluaran, Pengumpulan Stok dan Penggunaan Senjata Kimia dan tentang Pemusnahannya
3. Tafsiran
4. Undang-undang yang mengatasi
5. Inspektor Kebangsaan

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA KEBANGSAAN

6. Pihak Berkuasa Kebangsaan
7. Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan
8. Jawatankuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan
9. Perwakilan fungsi dan kuasa
10. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan
11. Pengerusi Pihak Berkuasa Kebangsaan
12. Pengerusi sementara
13. Mesyuarat Pihak Berkuasa Kebangsaan
14. Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat
15. Setiausaha kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan
16. Penyediaan kemudahan oleh Kementerian
17. Kaedah-kaedah untuk mengawal selia mesyuarat dan presiding

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

LARANGAN MENGENAI SENJATA KIMIA DAN AGEN KAWALAN RUSUHAN

Fasal

18. Larangan
19. Agen kawalan rusuhan

BAHAGIAN IV BAHAN

KIMIA TOKSIK

Bab 1 - Aktiviti Dibenarkan

20. Aktiviti bagi tujuan yang tidak dilarang di bawah Konvensyen

Bab 2 — Regim Bagi Bahan Kimia Toksik Yang Disenaraikan Dalam Jadual 1

21. Larangan dan pengecualian
22. Aktiviti sedia ada
23. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran
24. Kuasa untuk mengeluarkan atau enggan mengeluarkan kebenaran
25. Penarikbalikan kebenaran
26. Rayuan terhadap keputusan Pihak Berkuasa Kebangsaan
27. Pemindahan
28. Perisytiharan
29. Perubahan kepada sesuatu kemudahan *
30. Penyenggaraan dokumen dan daftar

Bab 3 - Regim Bagi Bahan Kimia Toksik Yang Disenaraikan Dalam Jadual 2 Dan 3

31. Perisytiharan
32. Pengeksportan atau pengimportan bahan kimia toksik dalam Jadual 2
33. Pengeksportan atau pengimportan bahan kimia toksik dalam Jadual 3
34. Perubahan kepada sesuatu kemudahan
35. Penyenggaraan dokumen dan daftar

Bab 4 - Rejim Bagi Bahan Kimia Organik Diskrel

Fasal

- 36. Perisytiharan
- 37. Penyenggaraan dokumen dan daftar

BAHAGIAN V

PEMERIKSAAN ANTARABANGSA

- 38. Inspektor Antarabangsa
- 39. Pemeriksaan
- 40. Kuasa anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan berhubung dengan pemeriksaan oleh Inspektor Antarabangsa
- 41. Waran bagi pemeriksaan
- 42. Menggunakan kekerasan

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

- 43. Kuasa penguatkuasaan
- 44. Kuasa penyiasatan
- 45. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
- 46. Akses kepada data berkomputer
- 47. Pelucuthakan senjata kimia, dsb.
- 48. Kos memegang senjata kimia, dsb., yang disita
- 49. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
- 50. Perlindungan pemberi maklumat

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

- 51. Notis bagi pendedahan maklumat
- 52. Keistimewaan dan kerahsiaan maklumat
- 53. Perlindungan pegawai
- 54. Pemulaan pendakwaan
- 55. Halangan
- 56. Kesalahan berkenaan dengan maklumat

4. *Rang Undang-Undang*

Fasal

- 57. Kuasa untuk meminda Jadual
- 58. Penalti am
- 59. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
- 60. Kesalahan oleh pekerja atau ejen
- 61. Kesalahan di luar Malaysia
- 62. Peraturan-peraturan

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menguatkuasakan Konvensyen tentang Larangan Penghasilan, Pengeluaran, Pengumpulan Stok dan Penggunaan Senjata Kimia dan tentang Pemusnahannya, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

BAHAWASANYA Konvensyen tentang Larangan Penghasilan, Pengeluaran, Pengumpulan Stok dan Penggunaan Senjata Kimia dan tentang Pemusnahannya telah ditandatangani di Paris pada 13 Januari 1993:

DAN BAHAWASANYA Malaysia telah mendepositkan surat cara ratifikasinya pada 20 April 2000 dan oleh yang demikian mengikut Perkara XXI Konvensyen, Konvensyen tersebut mula berkuat kuasa setakat yang berkenaan dengan Malaysia pada 20 Mei 2000:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN INILAH DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian Konvensyen tentang Larangan Penghasilan, Pengeluaran, Pengumpulan Stok dan Penggunaan Senjata Kimia dan tentang Pemusnahannya

2. Konvensyen tentang Larangan Penghasilan, Pengeluaran, Pengumpulan Stok dan Penggunaan Senjata Kimia dan tentang Pemusnahannya hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang di Malaysia dan bagi tujuan itu hendaklah ditafsirkan mengikut peruntukan Akta ini.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"agen kawalan rusuhan" ertinya apa-apa bahan kimia yang tidak disenaraikan dalam Jadual 1, 2 atau 3 yang boleh mengakibatkan perengsaan deria atau kesan kehilangan upaya fizikal dengan cepat kepada manusia yang hilang dalam masa yang singkat selepas pendedahan kepada bahan-bahan kimia itu berakhir;

"Akta ini" termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"anggota" ertinya mana-mana anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan yang dilantik di bawah subseksyen 6(2);

"bahan kimia organik diskret" ertinya apa-apa bahan kimia yang termasuk dalam kelas sebatian bahan kimia yang mengandungi semua sebatian karbon, kecuali bagi oksida, sulfida dan karbonat logamnya, yang boleh dikenal pasti melalui nama kimia, melalui formula struktur, jika diketahui, dan nombor daftar Khidmat Abstrak Kimia, jika diberikan;

"bahan kimia toksik" ertinya apa-apa bahan kimia yang melalui tindak balas kimianya ke atas proses kehidupan boleh menyebabkan kematian, ketidakupayaan sementara atau kecederaan kekal kepada manusia atau binatang, dan termasuklah prekursor bahan kimia toksik;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan;

"Inspektor Antarabangsa" ertinya seseorang yang memegang perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah subseksyen 38(2);

"Inspektor Kebangsaan" ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 5(1);

"kemudahan" ertinya apa-apa tapak perindustrian yang terdiri daripada mana-mana yang berikut:

- (a) apa-apa kerja atau kilang ("tapak loji") yang merupakan persepaduan setempat satu loji atau lebih berserta mana-mana peringkat pentadbiran pertengahan, yang berada di bawah satu kawalan pengendalian, dan termasuklah infrastruktur lazim, seperti—
 - (i) pejabat pentadbiran dan pejabat lain;
 - (ii) kedai membaiki dan penyenggaraan;
 - (iii) pusat perubatan;
 - (iv) utiliti;
 - (v) makmal analisis pusat;
 - (vi) makmal kajian dan pembangunan;
 - (vii) kawasan efluen pusat dan rawatan buangan; dan
 - (viii) kawasan penyimpanan gudang;
- (b) apa-apa kemudahan pengeluaran atau bengkel ("loji") yang merupakan suatu kawasan yang agak lengkap, struktur atau bangunan yang terdiri daripada satu unit atau lebih berserta infrastruktur tambahan dan bersekutu, seperti—
 - (i) suatu bahagian pentadbiran yang kecil;
 - (ii) kawasan penyimpanan atau pengendalian bagi stok suapan dan keluaran;
 - (iii) suatu kawasan pengendalian atau rawatan efluen atau buangan;
 - (iv) suatu makmal kawalan atau analisis;
 - (v) suatu bahagian perkhidmatan pertolongan cemas atau suatu bahagian berhubung dengan perubatan; dan

(vi) rekod yang berkaitan dengan pergerakan masuk, di sekitar dan dari tapak, bahan kimia yang di isytihar dan stok suapan atau keluaran yang dibentuk daripada bahan kimia yang di isytihar dan stok suapan, sebagaimana yang berkenaan;

(c) apa-apa unit pengeluaran atau unit pemprosesan ("unit") yang merupakan gabungan barang kelengkapan, termasuk vesel dan komponen vesel, yang perlu bagi pengeluaran, pemprosesan atau penggunaan sesuatu bahan kimia;

"Konvensyen" ertinya Konvensyen tentang Larangan Penghasilan, Pengeluaran, Pengumpulan Stok dan Penggunaan Senjata Kimia dan tentang Pemusnahannya;

"Menteri", melainkan jika dinyatakan secara nyata selainnya, ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal-ehwal luar negeri;

"pemerhati" ertinya seorang wakil Negara Pihak meminta kepada Konvensyen atau Negara Pihak ketiga kepada Konvensyen yang hadir di Malaysia untuk memerhati sesuatu pemeriksaan dicabar;

"pemeriksaan dicabar" ertinya pemeriksaan apa-apa kemudahan atau lokasi di Malaysia atau di mana-mana tempat lain di bawah bidang kuasa atau kawalan Malaysia yang diminta oleh Negara Pihak yang lain menurut perenggan 8 hingga 25 Perkara IX Konvensyen;

"pengangkut" termasuklah mana-mana kapal, kereta api, kenderaan dan pesawat udara dan apa-apa cara pengangkutan lain yang melaluinya orang atau barang-barang boleh dibawa;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Pihak Berkuasa Kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 6(2)(a);

"Pertubuhan" ertinya Pertubuhan bagi Larangan tentang Senjata Kimia yang ditubuhkan menurut Perkara VIII Konvensyen;

"Pihak Berkuasa Kebangsaan" ertinya Pihak Berkuasa Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 6(1);

"prekursor" ertinya apa-apa tindak balas kimia yang berlaku pada mana-mana tahap dalam pengeluaran melalui apa-apa jua

kaedah bahan kimia toksik, termasuk apa-apa komponen utama sesuatu dwiunsur atau sistem kimia berbilang komponen;

"senjata kimia" ertinya yang berikut, bersama atau secara berasingan:

- (a) bahan kimia toksik, kecuali jika dimaksudkan bagi tujuan yang tidak dilarang di bawah Konvensyen, selagi jenis dan kuantiti adalah selaras dengan tujuan itu;
- (b) senjata dan peranti yang direka bentuk secara khusus untuk menyebabkan kematian atau bahaya yang lain melalui sifat toksik bahan kimia toksik yang dinyatakan dalam perenggan (a) yang dilepaskan akibat daripada penggunaan senjata dan peranti itu;
- (c) apa-apa kelengkapan yang direka bentuk secara khusus untuk digunakan secara langsung berkaitan dengan penggunaan senjata dan peranti yang dinyatakan dalam perenggan (b);

"tujuan yang tidak dilarang di bawah Konvensyen" ertinya—

- (a) tujuan perindustrian, pertanian, kajian, perubatan, farmaseutikal atau keamanan lain;
- (b) tujuan perlindungan, iaitu tujuan yang secara langsung berhubung dengan perlindungan terhadap bahan kimia toksik dan dengan perlindungan terhadap senjata kimia;
- (c) tujuan ketenteraan yang tidak berkaitan dengan penggunaan senjata kimia dan tidak bergantung kepada penggunaan sifat toksik bahan kimia sebagai kaedah perang;
- (d) tujuan penguatkuasaan undang-undang, termasuk kawalan rusuhan dalam negeri;

Undang-undang yang mengatasi

4. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan senjata kimia, agen kawalan rusuhan, bahan kimia yang dimaksudkan bagi tujuan yang tidak dilarang, dan bahan kimia organik diskret.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan senjata kimia, agen kawalan rusuhan, bahan kimia toksik yang dimaksudkan bagi tujuan yang tidak dilarang, dan bahan kimia organik diskret, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain itu dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan.

Inspektor Kebangsaan

5. (1) Menteri boleh melantik, daripada kalangan pegawai awam, Inspektor Kebangsaan dan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi tujuan Akta ini.

(2) Inspektor Kebangsaan hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri, melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dikenakan ke atas mereka oleh Akta ini dan boleh menjalankan kuasa yang diberikan kepada mereka di bawah Akta ini.

(3) Menteri hendaklah mengeluarkan kepada setiap Inspektor Kebangsaan dan pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) suatu kad kuasa bagi tujuan pelaksanaan fungsi dan kewajibannya dan penyalanan kuasanya di bawah Akta ini.

(4) Semua Inspektor Kebangsaan dan pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA KEBANGSAAN

Pihak Berkuasa Kebangsaan

6. (1) Maka hendaklah ditubuhkan bagi tujuan Akta ini suatu badan yang dikenali sebagai Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(2) Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) seorang Pengerusi, yang dilantik oleh Menteri;

- (b) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri, yang dilantik oleh Menteri;
- (c) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi pertahanan, yang dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan;
- (d) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri, yang dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;
- (e) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa, yang dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa;
- (f) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi teknologi, yang dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi teknologi;
- (g) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi alam sekitar, yang dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi alam sekitar;
- (h) Pengarah Bahagian Perkhidmatan Farmaseutikal, Kementerian yang bertanggungjawab bagi kesihatan, atau wakilnya;
- (i) Pengerusi Lembaga Racun Makhluk Perosak, atau wakilnya;
- (j) Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling, atau wakilnya;
- (k) Ketua Polis Negara, atau wakilnya;
- (l) Ketua Pengarah Kastam, atau wakilnya;
- (m) Ketua Pengarah Kimia, atau wakilnya;
- (n) Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, atau wakilnya; dan
- (o) Ketua Pengarah Institut Kajian Sains dan Teknologi bagi Pertahanan, atau wakilnya.

(3) Menteri yang berkenaan boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan (2)(b) hingga (g), melantik

seorang anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa Kebangsaan apabila anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan

7. (1) Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah melaksanakan fungsi mengawas dan memastikan pelaksanaan obligasi Malaysia di bawah Konvensyen, termasuk —

- (a) memastikan keberkesanan pelaksanaan Akta ini;
- (b) memudahkan pemeriksaan di bawah Konvensyen, termasuk bekerjasama dengan Inspektor Antarabangsa dalam pemeriksaan dicabar;
- (c) mengumpul data untuk dilaporkan dalam perisytiharan tahunan kepada Pertubuhan;
- (d) memberikan Pertubuhan dan Negara Pihak lain maklumat yang berkenaan dalam memenuhi obligasi Malaysia di bawah Konvensyen;
- (e) mengawal selia dan mengawasi persoalan atau perkara yang berhubungan dengan Konvensyen, termasuk pelaksanaan Konvensyen dalam negeri;
- (f) mengeluarkan kebenaran berkenaan dengan aktiviti yang berhubungan dengan bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1;
- (g) mengeluarkan arahan kepada mana-mana Inspektor Kebangsaan bagi tujuan penguatkuasaan dan keberkesanan pelaksanaan Akta ini;
- (h) menasihati Menteri secara am mengenai persoalan atau perkara yang berhubungan dengan Konvensyen;
- (i) melevi apa-apa fi, sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan;
- (j) melakukan apa-apa jua yang bersampingan atau bersesuaian dengan pelaksanaan mana-mana fungsi yang disebut dalam perenggan (a) hingga (i).

(2) Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan, atau yang dengan semu nasabahnya bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Jawatankuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan

8. (1) Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh dari semasa ke semasa melantik apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 17, setiap jawatankuasa itu boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(3) Anggota jawatankuasa itu boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan kerja jawatankuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Perwakilan fungsi dan kuasa

9. (1) Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasa, kecuali kuasa untuk mewakilkan dan kuasa untuk membuat kaedah-kaedah di bawah seksyen 17, kepada—

- (a) Pengerusi;
- (b) mana-mana anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan; dan
- (c) sesuatu jawatankuasa.

(2) Mana-mana orang atau jawatankuasa yang kepadanya diwakilkan fungsi dan kuasa sedemikian hendaklah mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan dan segala keperluan, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(3) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Pihak Berkuasa Kebangsaan daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan

10. Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi Pihak Berkuasa Kebangsaan arahan yang tidak berlawanan dengan Akta ini mengenai pelaksanaan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah melaksanakan arahan itu.

Pengerusi Pihak Berkuasa Kebangsaan

11. (1) Pengerusi hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula selepas tamat tempoh jawatannya.

(2) Pengerusi boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis tiga bulan kepada Menteri.

(3) Pengerusi boleh dipecat—

- (a) jika kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai Pengerusi Pihak Berkuasa Kebangsaan atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga memburukkan nama Pihak Berkuasa Kebangsaan;
- (b) jika dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya dengan sepatutnya sebagai Pengerusi Pihak Berkuasa Kebangsaan;
- (c) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

- (iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;
- (d) jika dia dihukum bankrap;
- (e) jika dia didapati atau disahkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan urusannya; atau
- (f) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa Kebangsaan tiga kali berturut-turut tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri.

(4) Jika Pengerusi dilantik selainnya daripada kalangan anggota perkhidmatan awam, Menteri boleh membenarkan pembayaran apa-apa elaun sebagaimana yang difikirkannya wajar.

Pengerusi sementara

12. (1) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan untuk bertindak sebagai Pengerusi sementara semasa apa-apa tempoh apabila—

- (a) atas apa-apa sebab, Pengerusi tidak dapat melaksanakan kewajipan dan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini; atau
- (b) jawatan Pengerusi adalah kosong.

(2) Mana-mana anggota yang dilantik untuk bertindak sebagai Pengerusi sementara semasa apa-apa tempoh di bawah seksyen ini boleh dengan sewajarnya melaksanakan kewajipan dan fungsi dan menjalankan kuasa Pengerusi semasa tempoh itu.

Mesyuarat Pihak Berkuasa Kebangsaan

13. (1) Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu bagi melaksanakan fungsinya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi.

- (2) Tujuh orang anggota termasuk Pengerusi hendaklah membentuk kuorum mesyuarat Pihak Berkuasa Kebangsaan.
- (3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuaratnya.
- (4) Dalam mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa Kebangsaan, Pengerusi hendaklah mempunyai undi biasa dan hendaklah, sekiranya terdapat bilangan undi yang sama banyak, mempunyai undi pemutus.

Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

14. (1) Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangan Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi tujuan menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan.
- (2) Mana-mana orang yang menghadiri mesyuarat atau pertimbangan di bawah subseksyen (1) tidak berhak untuk mengundi.

Setiausaha kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan

15. Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam sebagai Setiausaha kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan.

Penyediaan kemudahan oleh Kementerian

16. Kementerian yang bertanggungjawab bagi Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah menyediakan kakitangan, dana dan kemudahan lain yang perlu kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan untuk membolehkannya menjalankan fungsinya.

Kaedah-kaedah untuk mengawal selia mesyuarat dan prosiding

17. Tertakluk kepada Akta ini, Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawal selia mesyuarat dan prosidingnya, dan mesyuarat dan prosiding jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 8.

BAHAGIAN III

LARANGAN MENGENAI SENJATA KIMIA DAN
AGEN KAWALAN RUSUHAN

Larangan

18. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) menghasilkan, mengeluarkan, memperoleh, mengumpul stok atau menyimpan apa-apa senjata kimia;
- (b) memindahkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa senjata kimia kepada orang lain;
- (c) mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya apa-apa senjata kimia;
- (d) menggunakan apa-apa senjata kimia;
- (e) melibatkan diri dalam apa-apa persediaan ketenteraan yang tidak sah untuk menggunakan sesuatu senjata kimia; atau
- (f) membantu, menggalakkan atau mendorong, dengan apa-apa cara, sesiapa jua untuk melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang dilarang kepada Negara Pihak di bawah Konvensyen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

Agen kawalan rusuhan

19. (1) Kecuali bagi tujuan mengekalkan dan memelihara ketenteraman awam, tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu agen kawalan rusuhan sebagai kaedah perang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

BAHAN KIMIA TOKSIK

*Bab 1 - Aktiviti Dibenarkan***Aktiviti bagi tujuan yang tidak dilarang di bawah Konvensyen**

20. Mana-mana orang boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, menghasilkan, mengeluarkan, memperoleh, menyimpan, memindahkan, memiliki atau menggunakan bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1, 2 dan 3 bagi tujuan yang tidak dilarang di bawah Konvensyen.

*Bab 2 - Regim Bagi Bahan Kimia Toksik
Yang Disenaraikan Dalam Jadual 1*

Larangan dan pengecualian

21. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bab ini, tiada seorang pun boleh mengeluarkan, memperoleh, menyimpan, memindahkan atau menggunakan bahan kimia toksik yang disenaraikan di bawah Jadual 1 melainkan jika—

- (a) pengeluaran, pemerolehan, penyimpanan, pemindahan atau penggunaan itu adalah untuk tujuan kajian, perubatan, farmaseutikal atau perlindungan;
- (b) jenis dan kuantiti bahan kimia toksik adalah benar-benar dihadkan kepada bahan kimia toksik yang boleh dijustifikasikan bagi tujuan itu;
- (c) amaun agregat bahan kimia itu pada bila-bila masa yang dibenarkan bagi tujuan tersebut adalah sama dengan atau kurang daripada 1 tan; dan
- (d) pengeluaran, pemerolehan, penyimpanan atau penggunaan itu dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi tujuan Bab ini, "pemindahan" termasuklah import, eksport, atau apa-apa pergerakan apa-apa amaun bahan kimia toksik

yang disenaraikan dalam Jadual 1 di luar sempadan geografi kemudahan di Malaysia ke destinasi lain di Malaysia, atau apa-apa pergerakan sedemikian antara dua bahagian di dalam satu syarikat atau penjualan dari satu syarikat ke syarikat yang lain.

Aktiviti sedia ada

22. (1) Bagi tujuan seksyen 21, mana-mana orang yang melibatkan diri dalam pengeluaran, pemerolehan, penyimpanan, pemindahan atau penggunaan bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1 sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan mempunyai niat untuk meneruskan aktiviti itu pada dan selepas permulaan kuat kuasa itu hendaklah, tidak lebih daripada tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memohon kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan untuk mendapatkan kebenaran di bawah Akta ini.

(2) Sementara menunggu keputusan Pihak Berkuasa Kebangsaan mengenai permohonan di bawah subseksyen (1), pemohon hendaklah disifatkan dibenarkan di bawah Akta ini dan tiada tindakan boleh diambil terhadapnya kerana melibatkan diri dalam aktiviti sedemikian tanpa kebenaran.

(3) Apabila kebenaran dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan di bawah seksyen 24 menurut permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), pemohon hendaklah dengan serta-merta mengambil tindakan yang perlu untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan bersama-sama dengan kebenaran itu.

(4) Jika kebenaran enggan diberikan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan di bawah seksyen 24, pemohon yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah terhenti disifatkan dibenarkan di bawah subseksyen itu dari tarikh dia diberitahu tentang keputusan Pihak Berkuasa Kebangsaan atau, jika terdapat rayuan di bawah seksyen 27, dari tarikh keputusan Menteri mengenai rayuan itu.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran

23. (1) Permohonan untuk mendapatkan kebenaran di bawah subseksyen 21(1) hendaklah dibuat dalam bentuk yang ditetapkan kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (1) dan sebelum permohonan itu ditentukan, Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(3) Jika mana-mana dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak disediakan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam notis atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(4) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum kebenaran yang dipohon itu dikeluarkan atau enggan dikeluarkan,

Kuasa untuk mengeluarkan atau enggan mengeluarkan kebenaran

24. (1) Apabila diterima permohonan berserta dengan dokumen dan maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 23, Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh mengeluarkan kebenaran dalam bentuk yang ditetapkan atau enggan mengeluarkan kebenaran tanpa memberikan apa-apa sebab bagi keengganan itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Kebangsaan mengeluarkan kebenaran di bawah subseksyen (1), Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Jika Pihak Berkuasa Kebangsaan enggan mengeluarkan kebenaran, Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah dengan segera memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keengganannya itu.

(4) Kebenaran, melainkan jika terlebih dahulu ditarik balik, hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam kebenaran itu.

Penarikbalikan kebenaran

25. (1) Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh menarik balik sesuatu kebenaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 24 jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) orang yang kepadanya kebenaran dikeluarkan telah gagal untuk mematuhi apa-apa obligasi yang dikenakan ke atasnya di bawah Akta ini;
- (b) orang itu telah melanggar mana-mana syarat kebenaran itu, atau mana-mana peruntukan Akta ini, tanpa mengira hakikat bahawa tidak ada pendakwaan bagi kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu;
- (c) orang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (d) orang itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan bagi kebenaran itu, atau pada bila-bila masa selepas pengeluaran kebenaran itu, memberikan maklumat yang palsu atau mengelirukan atau tidak tepat kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(2) Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah mengeluarkan suatu notis secara bertulis mengenai penarikbalikan itu kepada orang yang kepadanya kebenaran itu dikeluarkan.

(3) Penarikbalikan sesuatu kebenaran yang dikeluarkan kepada seseorang hendaklah mula berkuat kuasa—

- (a) jika tiada rayuan terhadap penarikbalikan itu, setelah habis tempoh empat belas hari dari tarikh notis penarikbalikan itu disampaikan kepada orang itu; atau
- (b) jika terdapat rayuan terhadap penarikbalikan itu, apabila penarikbalikan itu disahkan oleh Menteri.

Rayuan terhadap keputusan Pihak Berkuasa Kebangsaan

26. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepada orang itu.

(2) Keputusan Menteri mengenai rayuan di bawah subseksyen (1) adalah muktamad.

Pemindahan

27. (1) Jika mana-mana orang dibenarkan untuk memindahkan suatu bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1, orang itu tidak boleh—

- (a) memindahkan semula bahan kimia toksik itu ke suatu Negara ketiga; atau
- (b) memindahkan bahan kimia toksik itu ke mana-mana Negara bukan Pihak kepada Konvensyen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (a) atau (b) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Perisytiharan

28. (1) Mana-mana orang yang dibenarkan untuk mengeluarkan, memperoleh, menyimpan, memindah atau menggunakan bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1 dalam apa-apa amaun yang lebih daripada amaun ambang sebagaimana yang ditetapkan, hendaklah membuat perisytiharan berkala yang berikut kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan dalam apa-apa bentuk dan pada bila-bila masa sebagaimana yang ditetapkan:

- (a) suatu perisytiharan tahunan mengenai aktiviti dalam tahun kalendar yang terdahulu; dan
- (b) suatu perisytiharan tahunan mengenai aktiviti yang dijangkakan bagi tahun kalendar yang berikut.

(2) Perisytiharan di bawah subseksyen (1) hendaklah berhubung dengan —

- (a) identiti kemudahan;
- (b) nama bahan kimia toksik termasuk formula struktur bahan kimia toksik dan nombor daftar Khidmat Abstrak Kimia (jika diberikan);
- (c) tujuan yang baginya bahan kimia toksik itu digunakan;

- (d) kuantiti bahan kimia toksik bagi tujuan yang baginya bahan kimia toksik itu digunakan; dan
- (e) apa-apa perkara lain, yang berkaitan dengan perisytiharan, sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Perubahan kepada sesuatu kemudahan

29. (1) Mana-mana orang yang telah membuat perisytiharan di bawah seksyen 28 berhubung dengan sesuatu kemudahan hendaklah, jika terdapat apa-apa perubahan di kemudahan itu, mengemukakan maklumat berhubung dengan perubahan itu dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditetapkan kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penyenggaraan dokumen dan daftar

30. (1) Mana-mana orang yang dibenarkan untuk mengeluarkan, memperoleh, menyimpan, memindahkan atau menggunakan sesuatu bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1 hendaklah —

- (a) menyenggara suatu daftar dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan; dan
- (b) menyimpan semua dokumen selama tempoh yang ditetapkan,

berkenaan dengan operasi kemudahannya berhubung dengan bahan kimia toksik itu.

(2) Daftar itu hendaklah—

- (a) disimpan semata-mata bagi tujuan mencatatkan apa-apa rekod dan maklumat sebagaimana yang ditetapkan;

- (b) dikemaskinikan dan dalam keadaan teratur dan baik; dan
- (c) disimpan selama tempoh yang ditetapkan itu.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyebabkan daftar itu tersedia bagi pemeriksaan jika dan apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan, mana-mana Inspektor Kebangsaan, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, dan mana-mana Pegawai Kanan Kastam.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

*Bab 3 - Rejim Bagi Bahan Kimia Toksik Yang
Disenaraikan Dalam Jadual 2 Dan 3*

Perisytiharan

31. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) mengeluarkan, memproses, menggunakan, mengeksport atau mengimport sesuatu bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 2 dalam amaun yang lebih daripada apa-apa amaun ambang sebagaimana yang ditetapkan; atau
- (b) mengeluarkan, mengimport atau mengeksport sesuatu bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 3 dalam amaun yang lebih daripada apa-apa amaun ambang sebagaimana yang ditetapkan,

hendaklah membuat perisytiharan berkala yang berikut kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan dalam apa-apa bentuk dan pada bila-bila masa sebagaimana yang ditetapkan:

- (aa) suatu perisytiharan tahunan mengenai aktiviti dalam tahun kalendar yang terdahulu; dan
- (bb) suatu perisytiharan tahunan mengenai aktiviti yang dijangkakan bagi tahun kalendar yang berikut.

(2) Perisytiharan di bawah subseksyen (1) hendaklah berhubung dengan—

- (a) identiti kemudahan;
- (b) nama bahan kimia toksik termasuk formula struktur bahan kimia toksik dan nombor daftaran Khidmat Abstrak Kimia (jika diberikan);
- (c) tujuan yang baginya bahan kimia toksik itu digunakan;
- (d) kuantiti bahan kimia toksik bagi tujuan yang baginya bahan kimia toksik itu digunakan; dan
- (e) apa-apa perkara lain, yang berkaitan dengan perisytiharan, sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengeksportan atau pengimportan bahan kimia toksik dalam Jadual 2

32. (1) Mana-mana orang yang melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 31(1)(a) tidak boleh mengeksport atau mengimport bahan kimia toksik kepada mana-mana Negara bukan Pihak kepada Konvensyen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengeksportan atau pengimportan bahan kimia toksik dalam Jadual 3

33. (1) Mana-mana orang yang melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 31(1)(b) tidak boleh mengeksport atau mengimport bahan kimia toksik kepada mana-mana Negara bukan Pihak kepada Konvensyen tanpa suatu perakuan pengguna akhir yang dikeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Perubahan kepada sesuatu kemudahan

34. (1) Mana-mana orang yang telah membuat perisytiharan di bawah seksyen 31 berhubung dengan sesuatu kemudahan hendaklah, jika terdapat apa-apa perubahan di kemudahan itu, mengemukakan maklumat berhubung dengan perubahan itu dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditetapkan kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penyenggaraan dokumen dan daftar

35. (1) Mana-mana orang yang melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 3\(*l*\)(*a*) atau (*b*), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah—

- (*a*) menyenggara suatu daftar dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan; dan
- (*b*) menyimpan semua dokumen selama tempoh yang ditetapkan,

berkenaan dengan operasi kemudahannya berhubung dengan bahan kimia toksik itu.

(2) Daftar itu hendaklah —

- (*a*) disimpan semata-mata bagi tujuan mencatatkan apa-apa rekod dan maklumat sebagaimana yang ditetapkan;
- (*b*) dikemaskinikan dan dalam keadaan teratur dan baik; dan
- (*c*) disimpan selama tempoh yang ditetapkan itu.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyebabkan daftar itu tersedia bagi pemeriksaan jika dan apabila

dikehendaki oleh Pihak BerkuasaKebangsaan, mana-mana Inspektor Kebangsaan, mana-mana pegawai polls yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, dan mana-mana Pegawai Kanan Kastam.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bab 4 — Rejim Bagi Bahan Kimia Organik Diskret

Perisytiharan

36. (1) Mana-mana orang yang melibatkan diri dalam pengeluaran bahan kimia organik diskret secara sintesis dalam amaun yang lebih daripada apa-apa amaun ambang sebagaimana yang ditetapkan, hendaklah membuat perisytiharan berkala yang berikut kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan dalam apa-apa bentuk dan pada bila-bila masa sebagaimana yang ditetapkan:

- (a) suatu perisytiharan tahunan mengenai aktiviti dalam tahun kalendar yang terdahulu; dan
- (b) suatu perisytiharan tahunan mengenai aktiviti yang dijangkakan bagi tahun kalendar yang berikut.

(2) Perisytiharan di bawah subseksyen (1) hendaklah berhubung dengan—

- (a) identiti kemudahan;
- (b) nama bahan kimia organik diskret;
- (c) kuantiti bahan kimia organik diskret yang digunakan; dan
- (d) apa-apa perkara lain, yang berkaitan dengan perisytiharan, sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penyenggaraan dokumen dan daftar

37. (1) Mana-mana orang yang melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam seksyen 36 hendaklah—

- (a) menyenggara suatu daftar dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan; dan
- (b) menyimpan semua dokumen selama tempoh yang ditetapkan,

berkenaan dengan operasi kemudahannya berhubung dengan bahan kimia organik diskret.

(2) Daftar itu hendaklah—

- (a) disimpan semata-mata bagi tujuan mencatatkan apa-apa rekod dan maklumat sebagaimana yang ditetapkan;
- (b) dikemaskinikan dan dalam keadaan teratur dan baik; dan
- (c) disimpan selama tempoh yang ditetapkan itu.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyebabkan daftar itu tersedia bagi pemeriksaan jika dan apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan, mana-mana Inspektor Kebangsaan, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, dan mana-mana Pegawai Kanan Kastam.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V**PEMERIKSAAN ANTARABANGSA****Inspektor Antarabangsa**

38. (1) Menteri boleh mengeluarkan kepada mana-mana orang yang merupakan anggota pasukan pemeriksaan bagi Urus Setia Teknikal Pertubuhan suatu perakuan untuk menjadi Inspektor Antarabangsa bagi tujuan Akta ini.

(2) Perakuan yang dikeluarkan kepada orang di bawah subseksyen (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) identiti orang itu termasuk nama, taraf dan kuasanya untuk menjalankan pemeriksaan di Malaysia;
- (b) keistimewaan dan kekebalan yang terpakai bagi orang itu; dan
- (c) apa-apa maklumat lain dan apa-apa syarat yang terpakai bagi aktiviti pemeriksaan di Malaysia oleh orang itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Pemeriksaan

39. (1) Tertakluk kepada Aktaini, seseorang Inspektor Antarabangsa boleh, pada bila-bila masa yang munasabah dan selaras dengan peruntukan Akta ini dan Konvensyen—

- (a) memasuki mana-mana kemudahan di dalam Malaysia—
 - (i) yang berkenaan dengannya perisytiharan telah dibuat di bawah Bahagian IV;
 - (ii) yang tertakluk kepada pemeriksaan dicabar di tapak yang disebut dalam perenggan 8 Perkara IX Konvensyen; atau
 - (iii) yang berkenaan dengannya suatu siasatan di bawah perenggan 9 Perkara X Konvensyen telah dimulakan;
- (b) menjalankan pemeriksaan di kemudahan itu dengan cara yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Konvensyen; dan
- (c) memasang, menggunakan dan menyenggara, di mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan mana-mana kemudahan itu alat pengawasan, sistem dan lak dengan cara yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Konvensyen.

(2) Mana-mana Inspektor Antarabangsa hendaklah, apabila diminta oleh tuan punya atau orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu kemudahan yang hendak diperiksa oleh Inspektor Antarabangsa itu, menunjukkan perakuan kepada orang itu bagi pengesahan identitinya.

(3) Semasa menjalankan pemeriksaan dicabar, seseorang Inspektor Antarabangsa boleh diiringi oleh seorang pemerhati bagi tujuan memberikan kesan kepada perenggan 12 Perkara IX Konvensyen.

Kuasa anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan berhubung dengan pemeriksaan oleh Inspektor Antarabangsa

40. (1) Pemeriksaan di bawah seksyen 39 tidak boleh dijalankan melainkan jika Inspektor Antarabangsa itu diiringi oleh seorang anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan atau seorang Inspektor Kebangsaan.

(2) Mana-mana anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan atau seseorang Inspektor Kebangsaan boleh mengarahkan tuan punya atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi kemudahan yang sedang diperiksa supaya—

- (a) memberi Inspektor Antarabangsa akses kepada apa-apa kawasan, bekas atau benda di kemudahan yang sedang diperiksa itu dengan cara yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Konvensyen;
- (b) membenarkan Inspektor Antarabangsa memeriksa apa-apa jua di kemudahan yang sedang diperiksa itu;
- (c) membenarkan Inspektor Antarabangsa membuat salinan apa-apa maklumat yang terkandung di dalam rekod, dokumen atau data berkomputer yang disimpan atau digunakan berhubung dengan kemudahan yang sedang diperiksa itu dan membawa keluar salinan itu daripada kemudahan itu;
- (d) membenarkan Inspektor Antarabangsa mengambil gambar apa-apa jua di dalam kemudahan yang sedang diperiksa itu;
- (e) membenarkan Inspektor Antarabangsa menemu bual mana-mana orang di kemudahan yang sedang diperiksa itu; dan
- (f) membenarkan Inspektor Antarabangsa mengambil sampel di dalam kemudahan, pengangkut atau mana-mana tempat lain yang sedang diperiksa, bagi analisis.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Waran bagi pemeriksaan

41. (1) Jika persetujuan tuan punya atau orang yang bertanggungjawab bagi mana-mana kemudahan untuk memasuki kemudahan itu bagi tujuan yang disebut dalam seksyen 39 tidak diperoleh, mana-mana anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan atau seseorang Inspektor Kebangsaan boleh memohon suatu waran bagi pihak Inspektor Antarabangsa.

(2) Seseorang Majistret yang kepadanya permohonan bagi mendapatkan waran dibuat di bawah subseksyen ini boleh, jika dia berpuas hati dengan perakuan bersumpah yang diikrarkan oleh mana-mana anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan atau seseorang Inspektor Kebangsaan bahawa—

- (a) syarat bagi kemasukan yang diperihalkan dalam seksyen 39 telah dipenuhi berkenaan dengan kemudahan itu;
- (b) kemasukan ke kemudahan itu adalah perlu bagi apa-apa tujuan yang berhubungan dengan pentadbiran Akta ini; dan
- (c) kemasukan ke kemudahan itu telah ditolak,

mengeluarkan waran yang membenarkan anggota Pihak Berkuasa Kebangsaan atau seseorang Inspektor Kebangsaan dan Inspektor Antarabangsa yang dinamakan memasuki kemudahan itu bagi tujuan pemeriksaan yang disebut dalam seksyen 39, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam waran itu.

Menggunakan kekerasan

42. Jika kekerasan diperlukan untuk memasuki mana-mana kemudahan yang dinyatakan dalam waran yang dikeluarkan di bawah seksyen 41, orang yang melaksanakan waran itu boleh meminta bantuan pegawai polis untuk menggunakan kekerasan yang munasabah dalam hal keadaan itu.

Kuasa penguatkuasaan

43. (1) Seseorang Inspektor Kebangsaan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau Pegawai Kanan Kastam boleh menjalankan semua kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap Inspektor Kebangsaan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau Pegawai Kanan Kastam, apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini, hendaklah menyatakan jawatannya dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu apa-apa kad kuasa yang telah dikeluarkan kepada Inspektor Kebangsaan atau pegawai itu.

Kuasa penyiasatan

44. (1) Mana-mana Inspektor Kebangsaan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau Pegawai Kanan Kastam hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi tujuan subseksyen (1), Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] hendaklah terpakai dan Inspektor Kebangsaan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau Pegawai Kanan Kastam hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

45. (1) Sebagai tambahan kepada kuasa di bawah Kanun Tatacara Jenayah, jika seseorang Inspektor Kebangsaan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau Pegawai Kanan Kastam mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran geledah penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau

dimusnahkan, Inspektor Kebangsaan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau Pegawai Kanan Kastam itu boleh masuk ke dalam mana-mana kemudahan, pengangkut atau tempat lain dan menyita apa-apa senjata kimia, agen kawalan rusuhan atau bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1, 2 atau 3, atau apa-apa bekas, bungkusan, pengangkut atau barang lain yang di dalamnya senjata kimia, agen kawalan rusuhan atau bahan kimia toksik itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita di bawah Akta ini.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), jika apa-apa senjata kimia, agen kawalan rusuhan atau bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 1, 2 atau 3, atau apa-apa bekas, bungkusan, pengangkut atau barang lain yang di dalamnya senjata kimia, agen kawalan rusuhan atau bahan kimia toksik itu disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer disita di bawah subseksyen (1), pegawai yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai benda dan dengan segera menghantarserahkan satu salinan yang ditandatangani kepada tuan punya atau orang yang bertanggungjawab bagi kemudahan, pengangkut atau tempat lain yang telah digelegah, atau kepada ejen atau pekhidmat tuan punya atau orang itu, di kemudahan, pengangkut atau tempat lain itu.

(3) Jika kemudahan, pengangkut atau tempat lain itu tidak berpenghuni, pegawai yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di kemudahan, pengangkut atau tempat lain itu.

Akses kepada data berkomputer

